

PM Melancarkan Galeri Arkeologi Guar Kepah

Kepala Batas, Pulau Pinang, 24 Januari 2026 – YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim hari ini merasmikan Galeri Arkeologi Guar Kepah, sebuah fasiliti canggih yang dibina di tapak ekskavasi *shell midden* bersejarah yang mengubah penemuan arkeologi penting menjadi aset warisan awam yang dinamik. Galeri ini dibangunkan melalui kerjasama strategi yang diterajui oleh Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), bersama-sama dengan Universiti Sains Malaysia (USM) dan Perbadanan Ketua Menteri (CMI) Pulau Pinang.

Galeri ini akan mempamerkan “Penang Women” – rangka Neolitik lengkap pertama yang ditemui di Malaysia. Selain itu galeri ini turut mempamerkan tulang-tulang yang sebelum ini disimpan di Belanda, selepas berjaya dibawa pulang hasil kerjasama erat Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, dan Kementerian Luar Negeri, bersama-sama pihak berkuasa Belanda.

Kepulauan ini merupakan kemuncak dekad kerja teliti oleh pasukan arkeologi USM, yang telah menerajui ekskavasi dan penyelidikan penerokaan di Guar Kepah, sejak 2010 menggunakan teknik moden seperti pengimbasan 3D dan analisis isotop untuk memahami kehidupan masyarakat pantai purba.

Pelancaran Galeri Arkeologi Guar Kepah adalah majlis yang mempunyai makna nasional yang mendalam – bukan sekadar pembukaan sebuah galeri, tetapi mengintegrasikan semula susur galur bangsa terawal di sini. Ia menjadi bukti kepada ketamadunan kuno Malaysia dan kedudukannya yang kukuh dalam naratif sejarah manusia yang lebih luas di rantau ini.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow, menekankan bahawa galeri berperanan sebagai pemangkin budaya dan ekonomi. “Galeri ini adalah pelaburan penting dalam identiti nasional dan ekonomi tempatan kita. Dengan menempatkan galeri ini di sini, kami mewujudkan sebuah hab baharu untuk ilmu, pelancongan dan pembangunan komuniti. Ia akan memberikan kaitan nyata kepada sejarah kita sambil memupuk pertumbuhan mampan untuk masa depan komuniti Guar Kepah dan Pulau Pinang secara keseluruhannya.”

“Di luar peranan sejarahnya, galeri ini adalah pemangkin untuk pertumbuhan sosioekonomi tempatan. Ia akan mendorong pelancongan budaya, merangsang perniagaan tempatan dan mewujudkan peluang pekerjaan. Ia juga membina ekonomi warisan yang mampan dengan membangunkan kemahiran tempatan, memastikan komuniti mengekalkan manfaatnya dan kekal sebagai pemegang taruh utama,” kata Chow.

Sementara itu, Menteri Ekonomi, YB Tuan Haji Akmal Nasrullah Mohd Nasir berkata projek ini bukan sekadar projek fizikal sebuah pembinaan galeri, tetapi projek ini merupakan inisiatif pembangunan setempat yang menyeluruh bagi menggerakkan aktiviti ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan serta membuka ruang pendapatan baharu kepada komuniti sekitar.

“Projek pembangunan Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah ini telah diluluskan pada tahun 2022 di bawah Rolling Plan Kedua, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dengan peruntukan sebanyak RM10 juta. Ini tandanya sokongan Kerajaan MADANI melalui Kementerian Ekonomi kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membangunkan produk pelancongan berasaskan prasejarah di Pulau Pinang serta sebahagian daripada usaha mempelbagaikan ekonomi pelancongan, khususnya di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).” katanya.

Menerangkan keunikan galeri tersebut, Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Dato’ Mohamad Haris Kader Sultan berkata, “Pengunjung kini boleh meneroka pameran secara interaktif yang menceritakan kisah nenek moyang Neolitik kita, melihat tapak ekskavasi sebenar dan menyaksikan ‘Penang Women’ yang luar biasa. Di sinilah sejarah dihidupkan, dan di sinilah masa depan komuniti kita dibentuk.”

“Galeri ini menampilkan pameran immersif, bahagian *shell midden* yang dipelihara, dan sebuah pusat penyelidikan. Penubuhannya selari dengan agenda nasional untuk melindungi, menyelidik dan mempromosikan warisan Malaysia sebagai tunjang negara progresif yang berteraskan budaya,” katanya.

Untuk maklumat lanjut mengenai NCER, sila layari laman utama NCER di www.ncer.com.my.

-TAMAT-

UNTUK MAKLUMAN EDITOR:

Berkeanaan NCIA

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Koridor Utara Pelaksanaan 2008 (Akta 687) sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju dan untuk merangka dasar dan strategi menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau Northern Corridor Economic Region (NCER). NCER merangkumi negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis; dan diketuai oleh Encik Mohamad Haris Kader Sultan selaku Ketua Eksekutif.

NCIA akan terus memacu evolusi NCER ke arah menjadi rantau sosioekonomi kelas dunia dengan memangkinkan dan melaksanakan program pembangunan nilai tambah dalam inisiatif-inisiatif strategik berimpak tinggi, terutamanya melalui Sektor Pembuatan, Sektor Perniagaan Tani, Sektor Petrokimia, Sektor Perlombongan, Sektor Ekonomi Hijau, dan Sektor Perkhidmatan (termasuk Pelancongan, Logistik dan Perhubungan; serta Ekonomi Digital).

Sila hubungi:

<p>En. Fairus Kassim Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat NCIA E-mel: fairus@ncer.com.my No Tel: + 019-3272507 GL: + 604-502 0708</p>	<p>En. Ariff Ahmad Ketua Jabatan Komunikasi Korporat NCIA E-mel: ariffahmad@ncer.com.my No Tel: + 016-3288944 GL: + 604-502 0708</p>
--	---

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.ncer.com.my>